

WILAYAH **KU**

BIL 55 24 - 30 **JANUARI 2020**

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

f akhbar wilayahku  WK TV  akhbar wilayahku  @akhbar wilayahku

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Farha bangga tinggal di Kuala Lumpur >3



Kuala Lumpur destinasi beli-belah >5



Gema Kota Cheras suburkan kemesraan antara kaum >8

Selamat Tahun Baru Cina kepada warga Wilayah Persekutuan

ANTARA calon yang hadir pada sesi temuduga skim PSH di IDB, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.



DBKL sediakan RM10 juta untuk anak muda isi 229 jawatan skim Pekerja Sambilan Harian

Beri peluang pekerjaan

RATUSAN anak muda mengambil peluang menghadiri sesi temuduga yang diadakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengisi jawatan kosong di bawah skim Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang diadakan pada 21 hingga 23 Januari lalu.

Pengambilan pekerja baharu itu bagi mengisi 229 jawatan melibatkan peruntukan sejumlah RM10 juta yang disediakan DBKL sebagai persediaan menghadapi tiga program besar yang diadakan di Kuala Lumpur tahun ini.

Program tersebut adalah

Tahun Melawat Malaysia 2020, Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan Persidangan Anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang mampu memberikan limpahan ekonomi kepada negara ini.

BERITA PENUH DI MUKA 2

Peruntukan RM10 juta bagi isi 229 jawatan kosong skim Pekerja Sambilan Harian

Tiga acara besar buka peluang kerja

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Kesan limpahan inisiatif tiga acara besar yang bakal diadakan di ibu kota tahun ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka peluang pekerjaan melalui skim Pekerja Sambilan Harian (PSH) melibatkan peruntukan sejumlah RM10 juta.

Acara tersebut ialah Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020, Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020 bermula April ini dan Persidangan Anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada November depan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, kesan limpahan daripada program-program berkenaan mendorong pertumbuhan ekonomi sekali gus membantu menjana pendapatan kepada kumpulan B40.

Beliau berkata, bagi tujuan itu DBKL merancang mengisi 229 kekosongan jawatan kepada individu-individu berkelayakan di sekitar ibu kota.

"Terdapat keperluan untuk meningkatkan tenaga kerja DBKL untuk menampung beban kerja yang lebih tinggi ekoran peningkatan ketibaan pelancong melalui kempen TMM 2020, KLWBC 2020 dan



SEBAHAGIAN calon yang menghadiri temuduga skim PSH di IDB, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

APEC 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Dr. Tan Yee Kew.

Khalid berkata, daripada peruntukan RM10 juta itu, RM4.3 juta akan dibelanjakan untuk pengambilan PSH manakala RM5.7 juta lagi digunakan untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

Jelas beliau, pihaknya telah meminta Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mewujudkan perjawatan bagi pengurusan taman-taman di bawah seliaan DBKL.

"Kita hendak pekerja sepenuh masa untuk memban-

tu menguruskan taman-taman ini, bukan yang datang sekali-sekala apabila ada aduan.

"Kita mahu ia dipantau dan diurus 24 jam dan kita mahu jawatan seperti pengurus dan pembantu pengurus diwujudkan kerana DBKL telah membelanjakan ratusan juta ringgit untuk membaik-pulih dan mengindahkan taman-taman tersebut dan ia perlu diuruskan dengan baik," katanya.

Dalam pada itu, sesi ujian lasak dan temuduga terbuka di Institut Latihan DBKL di Bandar Tun Razak di sini telah dijalankan bagi pengambilan kakitangan di bawah skim PSH melibatkan calon dengan kelayakan Penilaian Me-



SEORANG pegawai memberikan taklimat kepada calon-calon sebelum menjalani proses temuduga.



PEGAWAI DBKL membuat semakan dokumen-dokumen yang dibawa calon-calon untuk proses temuduga.

nengah Rendah (PMR) atau Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) pada 21 Januari lalu.

Calon lepasan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) pula diadakan pada 22 Januari manakala calon Diploma pada 23 Januari.

Lebih 200 hadir temuduga terbuka DBKL

KUALA LUMPUR – Lebih 200 orang menghadiri temuduga terbuka yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berlangsung di Institut Latihan DBKL (IDB), Cheras dari 21 hingga 22 Januari lalu.

Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia DBKL, Asyqoh Yusof berkata, keseluruhan calon yang hadir disaring terlebih dahulu dan jawatan yang ditawarkan adalah berstatus Pekerja Sambilan Harian (PSH).

"Kesemua dokumen yang dikemukakan perlu men-

dapat cop pengesahan selain semakan sebelum mereka perlu melalui peringkat kedua iaitu temuduga dengan pegawai-pegawai DBKL.

"Sekiranya berjaya, mereka akan dihubungi melalui emel masing-masing dan dikehendaki melapor diri pada Februari ini," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Asyqoh menjelaskan, temuduga yang dijalankan itu adalah secara terbuka dan dijalankan selama tiga hari

untuk beberapa jawatan.

"Bagi kelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dijalankan pada 21 Januari, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 22 Januari dan diploma pada 23 Januari," katanya.

Bagi calon ber-kelulusan ijazah sarjana muda pula, permohonan boleh dilakukan melalui portal DBKL di <https://apps.dbkl.gov.my/epengambilan/>.

Tambah Asyqoh, kebanya-

kan calon yang hadir untuk sesi temuduga adalah warga Kuala Lumpur.

"Kita lihat calon-calon tersebut berpotensi dan dapat melihat kesungguhan mereka untuk mendapatkan pekerjaan," katanya.

Kata Asyqoh, jawatan PSH adalah untuk tempoh tiga bulan dan ia bergantung kepada pencapaian masing-masing.

"Ia juga bergantung kepada bidang tugas dan sekiranya sesuatu jawatan itu perlu disambung, maka pekerja tersebut akan dilanjutkan perkhidmatan," katanya.



ASYQOH

Info Skim Sambilan Harian (PSH)

Kelulusan PT3 / PMR
■ Pembantu Awam Gred H11
100 kekosongan

SPM
■ Pembantu Tadbir
■ Pembantu Tadbir Kewangan
■ Pembantu Pustakawan
70 kekosongan

Diploma
■ Penolong Pegawai Tadbir
■ Penolong Pegawai Akaun
■ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
■ Penolong Pegawai Pertanian
■ Penolong Pegawai Alam Sekitar
■ Penolong Pegawai Jurutera Awam
23 kekosongan

Ijazah
■ Pegawai Tadbir
■ Jurutera Awam
10 kekosongan

Lulusan ijazah boleh memohon melalui lama web di <https://apps.dbkl.gov.my/epengambilan/>

Farha bangga tinggal di Kuala Lumpur

Oleh **AINI MAWAWI**
ainiwilayahku@gmail.com

LIMA tahun tinggal di Kuala Lumpur banyak mengajar erti kehidupan buat Nur Farha Abdul Razak yang berasal dari Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Anak kedua daripada lima orang adik-beradik ini tekad mencari rezeki di Kuala Lumpur setelah tamat pengajian dalam bidang Pengajian Sumber Manusia di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Melaka.

Ketika itu, dia sanggup berjauhan daripada keluarga tercinta semata-mata untuk membina kerjaya di bandar raya yang menjanjikan pelbagai pilihan kerja ini.

"Masa itu dalam fikiran saya cuma satu iaitu ingin cepat

mendapat kerja dan seterusnya hidup berdikari tanpa bergantung sepenuhnya kepada keluarga semata-mata," ujarnya.

Ditanya tentang Hari Wilayah Persekutuan yang bakal disambut warga Wilayah Persekutuan pada 1 Februari nanti, sebagai individu yang bermastautin di Kuala Lumpur, Farha bangga

kerana berpeluang mengecapi pelbagai kemudahan yang ada.

"Saya masih ingat lagi ketika mula-mula membina kerjaya di sini, saya bergantung sepenuhnya kepada pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) dan sebagainya.

"Bayangkan jika tiada semua itu sudah pasti menyukarkan saya untuk bergerak ke sana sini. Biar pun sekarang saya

sudah memiliki kenderaan sendiri, pasti ada ketikanya saya tetap menaiki pengangkutan awam," ujarnya yang kini menetap di Sungai Bési.

Tambah Farha, di Kuala Lumpur semuanya mudah diperoleh dan kerana itu jugalah dia mengambil keputusan untuk terus menetap di ibu kota untuk jangka masa yang panjang.

Beralih kepada impiannya pula, menurut model berusia 27 tahun ini, dia berhasrat untuk menceburi bidang perniagaan fesyen dengan membuka sebuah butik pakaian.

"Sekarang saya sedang menimba ilmu tentang bidang perniagaan. Apabila sudah penuh ilmu di dada, Insya-Allah saya akan merealisasikan impian tersebut," ujarnya mengakhiri bicara.



KPLB, PTPTN bekerjasama anjur program Buat Apa Lepas SPM?

Bantu pelajar buat pilihan betul

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memulakan tahun 2020 ini dengan melaksanakan kerjasama strategik untuk membantu para pelajar membuat perancangan dan pilihan yang betul selepas tamat pengajian peringkat sekolah menengah.

Kerjasama itu menyasarkan lapan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berada di luar bandar melalui penganjuran program Buat Apa Lepas SPM (BALAS).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, pihaknya berharap langkah proaktif Kementerian dan PTPTN akan mempersiapkan generasi muda merancang masa depan pendidikan serta kerjaya mereka.

"Saya juga gembira kerana program BALAS ini turut mempunyai komponen pembinaan sahsiah yang mampu menjadi modal terpenting untuk masa depan mereka," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.



PESERTA Kem BALAS bergambar pada program yang diadakan di Johor Tiram Indah Village, Ulu Tiram baru-baru ini.

Sementara itu, Pengurus PTPTN, Wan Saiful Wan Jan berkata, melalui maklumat dan bimbingan diberikan melalui penganjuran BALAS, para pelajar luar bandar diharap dapat membuat keputusan yang tepat dalam memilih laluan pendidikan dan kerjaya kelak.

"Saya bangga kerana ini adalah pertama kali PTPTN melakukan kerjasama strategik dengan KPLB untuk memban-

tu anak bangsa dari kawasan luar bandar.

"Kita akan cuba pelbagai kolaborasi strategik antara agensi sebegini supaya dapat mendekati lebih ramai pelajar lagi," katanya.

Dalam pada itu, PTPTN dalam kenyataannya berkata, sebanyak RM375,000 diperuntukkan bagi menjayakan program BALAS manakala agensi-agensinya di bawah KPLB

menyediakan peserta dan kemudahan lain untuk pelaksanaan program.

Katanya, menerusi enam siri bootcamp yang dianjurkan, seramai hampir 1,000 pelajar lepasan SPM luar bandar dari kawasan yang terpilih di seluruh negara bakal mengikuti program berkenaan.

Program tiga hari dua malam di enam lokasi itu bermula pada 10 Januari lalu

sehingga 22 Mac depan iaitu di Johor Tiram Indah Village, Ulu Tiram, Johor (10 hingga 12 Januari); Kolej KETENGAH, Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu (17 hingga 19 Januari); PCB Resort, Kota Bharu, Kelantan (28 hingga 30 Januari); Kem Paya Pahlawan, Jitra, Kedah (7 hingga 9 Februari); Pulau Pinang (6 hingga 8 Mac) dan Kuala Lumpur (20 hingga 22 Mac).